

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Perpustakaan Sultanah Bahiyah
Sent: Thursday, January 9, 2020 9:07 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PSB SEDIA BERUBAH UNTUK KEKAL RELEVAN



**Perpustakaan
Sultanah Bahiyah**
SULTANAH BAHYIAH LIBRARY
Universiti Utara Malaysia

09 JANUARI 2020 | 13 JAMADILAWAL 1441H
=====

**UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg Tan Sri/Datuk Seri/Dato' /Prof./Prof. Madya/ Dr./Tuan/Puan,

PSB SEDIA BERUBAH UNTUK KEKAL RELEVAN

Disediakan oleh: Noraini Alias
Gambar oleh: Mohamad Fuzi Ismail



7 – 8 Januari 2020 – Melangkah ke tahun 2020 pastinya akan terdapat pelbagai cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi untuk menjamin kelestarian hidup. Begitu juga buat perpustakaan akademik seperti Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB) dimana tunggak utama kewujudan PSB adalah pengguna yang terdiri di kalangan pelajar dan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Oleh itu, satu bengkel khas telah diadakan pada 7 - 8 Januari 2020 bertempat di Auditorium 1, Bangunan Utama PSB. Bengkel bertajuk 'Hala Tuju PSB 2020' ini adalah hasrat pengurusan PSB dalam menstruktur semula serta menaiktaraf servis dan fasiliti yang sedia ada ke arah kecemerlangan di masa hadapan ekoran daripada tuntutan keperluan pengguna yang majoritinya adalah generasi milenial selain menjadikan PSB terus kekal relevan. Bengkel ini melibatkan semua Pustakawan, Penolong Pustakawan dan Kumpulan Pelaksana.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, satu sesi khas bersama Timbalan Naib Canselor (TNC) Penyelidikan & Inovasi (P&I) dan juga TNC Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) telah diadakan bagi mendapatkan input dari sudut pandangan masing-masing terhadap perpustakaan di masa hadapan. Antara input serta saranan yang dikemukakan oleh Prof. Dr. Che Ayoib Che Ahmad selaku TNC P&I adalah mengenai peranan PSB membantu meningkatkan keterlihatan (visibility) dan sitasi penerbitan UUM terutamanya yang berimpak tinggi serta menggalakkan golongan akademik untuk lebih banyak menulis melalui kolaborasi peringkat industri, nasional dan antarabangsa serta lain-lain lagi sumbangan PSB yang dapat dilihat membantu menaikkan nama UUM. Manakala TNC HEPA pula, Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali amat berharap agar dalam menyampaikan servis yang terbaik kepada pengguna terutamanya para pelajar perlu mempertimbangkan dan mengambilkira kebolehpasaran graduan (Graduate Employability). 3 tunggak utama yang diberi penekanan adalah dari sudut perkhidmatan pelajar, pembangunan pelajar dan pemerkasaan pelajar. Turut hadir bersama wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Menjadikan PSB sebagai pilihan utama di kalangan pelajar generasi milenial perlu diberi keutamaan. Walaupun mencabar namun ianya bukanlah mustahil untuk dilaksanakan. Bengkel ini telah berjaya mengetengahkan idea-idea baharu yang bukan sahaja mencorak haluan PSB di masa hadapan tetapi juga dapat mengeratkan lagi hubungan bersama pengguna. Kesimpulannya, untuk kekal relevan di era kepesatan teknologi ini, PSB harus bersedia untuk berubah mengikut peredaran masa ke arah memenuhi keperluan pengguna dengan menggunakan segala sumber sedia ada secara lebih efektif dan efisien.

FROM:
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 04-928 3627
FAX: 04-928 3613
E-MAIL: uumlib@uum.edu.my
WEBSITE: <http://www.lib.uum.edu.my>



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.